

NO. SOALAN: 541

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING

RUJUKAN : 9814

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil siasatan terhadap Ali Tinju yang membuat ugutan bahawa Maria Chin "tidak akan berjalan di atas bumi".

JAWAPAN:

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Jinjang repot 19381/16 di mana pengadu telah membaca satu artikel dalam sebuah laman web mendakwa suspek telah membuat ugutan jenayah yang membahayakan nyawa seseorang. Kes disiasat di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan. Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya pada 14 November 2016 dan kes diputuskan sebagai "NFA" (tiada tindakan lanjut).